

# Halagel pengeluar produk berasaskan gelatin halal

» Terajui pengedaran makanan halal serta gelatin gred farmaseutikal bagi pasaran Asia Tenggara



“

**Alhamdulillah, pada 2007 Halagel berjaya mengembangkan perniagaan dengan membuka kilang menghasilkan produk makanan tambahan sendiri berasaskan gel lembut menggunakan gelatin halal yang disahkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**

**Huzary Mohd Tahir,**  
Ketua Bahagian Kewangan Kumpulan Halagel



Oleh Nor Farhani Che Ad  
bhnews@bh.com.my

**M**enyediakan produk dengan label halal sering kali menjadi cabaran utama kepada mana-mana syarikat farmaseutikal, terutama dalam pembuatan produk berasaskan gelatin.

Ini kerana gelatin yang dihasilkan menggunakan sumber tulang haiwan sering kali diragui status halalnya, sekali gus membuatkan produk berkenaan turut menerima impak sama dan diragui kesuciannya di pasaran.

Menyedari hakikat itu, Halagel (M) Sdn Bhd (Halagel) mengambil tanggungjawab sebagai fardhu kifayah meneroka bidang penghasilan produk berasaskan gelatin halal. Sehingga kini, Halagel mampu mencipta nama sebagai pengeluar utama produk berkenaan yang berpangkalan di Sungai Petani, Kedah.

Malah Halagel yang ditubuhkan sejak 1997, kini bukan sahaja diiktiraf sebagai pengimpor tunggal, tetapi turut menerajui pengeluaran dan pengedaran makanan halal serta gelatin gred farmaseutikal, kapsul gelatin halal dan gel lembut gelatin halal, khusus bagi pasaran Malaysia dan Asia Tenggara.

Ketua Bahagian Kewangan Kumpulan Halagel, Huzary Mohd Tahir, mengakui pada awal penubuhan syarikat, ramai pengguna tidak mengetahui mengenai

kewujudan produk halal berasaskan gelatin.

“Kami rasa bertanggungjawab dalam memberi kesedaran kepada pengguna terhadap pemilihan produk yang bukan sahaja halal, tetapi juga bersih dan berkualiti.

“Ketika itu kami mengimport gelatin dan kapsul daripada Kazakhstan, iaitu satu-satunya negara yang disahkan menghasilkan gelatin yang bukan berasal daripada tulang haiwan iaitu babi, sebelum dipasarkan di negara ini.

“Alhamdulillah, pada 2007 Halagel berjaya mengembangkan perniagaan dengan membuka kilang menghasilkan produk makanan tambahan sendiri berasaskan gel lembut menggunakan gelatin halal yang disahkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),” katanya ketika ditemui.

## Tembusi pasar antarabangsa

Selain produk berasaskan gelatin, Halagel terus menambahkan rangkaian produk halalnya dengan mengeluarkan ubat gigi, garam bukit dan beberapa produk harian lain kepada pengguna.

Halagel turut menawarkan rangkaian produk kesihatan seperti vitamin C tambahan dan produk nutraceutical termasuk minyak kelapa dara, minyak habbatus sauda dan minyak ikan Omega-3.

Huzary berkata, seperti syarikat lain, Halagel tidak terlepas daripada beban kewangan, terutama dalam memperluaskan usaha pemasaran produk keluarannya kepada pengguna.

Bagaimanapun, katanya, pembabitan dalam Program Business Accelerator (BAP) banyak membantu syarikat dalam meningkatkan pemasaran produk di pasaran.

Melalui program berkenaan, katanya, SME Corp. Malaysia memberikan peruntukan RM400,000 kepada Halagel bagi meningkatkan pemasaran produk kepada syarikat itu.

“Bantuan ini banyak membantu syarikat dalam memperkenalkan produk kepada orang



Proses pengilangan dilakukan dengan bersih dan berkualiti.



ramai, sekali gus meningkatkan hasil jualan,” katanya.

Beliau berkata, Halagel kini mensasarkan jualan berjumlah RM3 juta setiap bulan dan dengan sambutan membangun daripada pengguna, pihaknya yakin mampu mencapai sasaran itu.

Produk Halagel kini terdapat di seluruh negara yang dijual di pasaraya, farmasi dan kedai-kedai runcit dan produknya juga kini turut menembusi pasaran antarabangsa termasuk Thailand, Cina, Kazakhstan dan Uzbekistan.

Dalam pada itu, Halagel turut menjalankan kontrak pengilangan dalam menghasilkan produk kepada beberapa syarikat tempatan dan luar negara seperti Jepun dan Amerika Syarikat dalam menghasilkan produk makanan tambahan berasaskan gel lembut.

“Kontrak pengilangan ini dilakukan berikut kapasiti kilang kami yang terletak di Sungai Lalang, digunakan sepenuhnya bagi menghasilkan produk terbaik untuk pasaran tempatan dan luar negara,” katanya.

Syarikat yang mendapat pengiktirafan 50 produk terbaik di Malaysia ini berharap akan menjadi sebuah syarikat yang dapat membekalkan variasi barang keperluan harian kepada pengguna berasaskan produk halal pada masa akan datang.

